

18 JUN 2003

Hadi-Kartun

HADI AKUI KARTUN MENGENAI DR MAHATHIR DI HARAKAH SATU KETELANJURAN

KUALA TERENGGANU, 18 Jun (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengakui penyiaran gambar kartun mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhidungkan khinzir di akhbar rasmi parti itu, Harakah, merupakan satu kesilapan dan keterlanjuran.

"Itu satu perkara yang biasa dalam kehidupan, kita alami kesilapan, ketelanjuran yang perlu diperbetulkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini.

Hadi, yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, beliau telahpun menelefon Ketua Pengarang Harakah dan menasihatinya untuk lebih berhati-hati pada masa hadapan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Harakah menyiarkan menghina Perdana Menteri, dengan mengaitkan lakaran itu dengan khinzir.

Tindakan itu telah menyebabkan kalangan pemimpin Barisan Nasional dan Kelab Penyokong Kerajaan meminta kerajaan mengambil tindakan terhadap Harakah termasuk menarik balik lesen penerbitannya.

Mereka juga mendesak agar akhbar dan para pemimpin parti itu untuk memohon maaf secara terbuka.

Semalam, Harakah dalam satu kenyataan memutuskan untuk menarik balik penyiaran kartun itu yang diterbitkan dalam akhbar berkenaan bagi keluaran 16 hingga 30 Jun ini.

Harakah juga memohon maaf kepada mana-mana pihak yang tersinggung dengan penyiaran lukisan itu.

Ketika ditanya sama ada perkara itu dilakukan secara sengaja atau tidak, Hadi berkata, soalan itu perlu ditanya kepada orang yang membuat perkara itu dan bukan kepadanya.

"Terpulanglah kepada pengurusan Harakah, sama ada hendak mengambil sebarang tindakan terhadap pelukis kartun tersebut atau tidak," katanya.

Di KOTA BAHARU, Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bersetuju dengan tindakan Harakah memohon maaf berhubung isu karikatur menghina Perdana Menteri itu kerana, katanya, perbuatan yang menyentuh peribadi seseorang adalah tidak wajar.

"Bila kita buat salah tak boleh kita berkeras dengan salah kita, lebih-lebih lagi perkara yang menyentuh peribadi," katanya.

--BERNAMA

HIS BD MAI